


**UTAMA**

# SUKAN INTER KOLEJ (SPORT INTER COLLEGE)

## SIC 2008 FASA 2



Sukan Inter Kolej (SIC) Fasa 2 telah kembali dengan mempertandingkan sebanyak 14 acara yang membabitkan jumlah peserta sehampir 463 orang pelajar yang terdiri dari warga pelajar UniMAP yang menghuni setiap kolej\_kolej kediaman. Setiap kolej kediaman telah digabungkan kepada 4 Zon iaitu Zon 1 Kolej Kediaman Tan Sri Aishah Ghani (KKG), Zon 2 adalah Kolej Kediaman Tun Ghaffar Baba (KKF) ,Zon 3 ialah gabungan Kolej Kediaman Tun Abd Razak Dan Tun Dr Ismail (KKB & KKE) manakala Zon 4 adalah Tun Hussien Onn dan Tun Dr Mahathir (KKD & KKC)

Acara yang dipertandingkan ialah Futsal Lelaki, Futsal Wanita, Bola Baling Lelaki, Bola Baling Wanita, Ping-Pong Campuran, Badminton Campuran, Hoki 5's Lelaki, Hoki 5'sWanita, Bola Keranjang Lelaki, Bola Keranjang Wanita, Tenis Campuran, Sepaktakraw, Ragbi 10 s dan Ten Pin Bowling.

Sukan Inter Kolej (SIC ) Fasa 2 ini juga sebenarnya adalah platform kepada pemilihan Atlet-atlet UniMAP untuk mewakili universiti bagi kejohanan Sukan MASUM Fasa 1 di Universiti Malaya (UM) pada 13 Mei hingga 17 Mei 2008 . Dan Fasa 2 di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 21 Mei Hingga 27 Mei 2008 nanti. Semoga dengan adanya kejohanan seperti ini ,pihak unit sukan dapat mencungkil bakat –bakat pelajar yang sedia ada untuk di ketengahkan ke peringkat Universiti.

Johan keseluruhan dimenangi oleh Zon 1 iaitu Kolej Kediaman Tan Sri Aishah Ghani (KKG) yang merupakan Johan bertahan dan mungkin akan menggemparkan sekali lagi di fasa seterusnya. Tahniah diucapkan semoga dengan kejayaan ini dapatlah diketengahkan di peringkat universiti.

Sukan Inter Kolej (SIC ) Fasa 2 ini juga sebenarnya adalah platform kepada pemilihan atlet-atlet UniMAP untuk mewakili Universiti bagi kejohanan Sukan MASUM Fasa 1 di Universiti Malaya (UM) pada 13 Mei hingga 17 Mei 2008 . Manakala Fasa 2 di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 21 Mei Hingga 27 Mei 2008 nanti. Semoga dengan adanya kejohanan seperti ini, pihak unit sukan dapat mencungkil bakat –bakat pelajar yang sedia ada untuk diketengahkan ke peringkat Universiti.

### KEPUTUSAN KESELURUHAN

KAWASAN	KOLEJ	JOHAN (5)	NAIB JOHAN (3)	KE -3 (1)	MARKAH	KEDUDUKAN
Zon 1	KKG	35	9	4	48	1
Zon 2	KKF	10	9	6	25	3
Zon 3	KKB & E	5	-	3	8	4
Zon 4	KKD & C	20	24	1	45	2